

Murid mengisi tempat kosong dengan bandingan semacam yang sesuai berdasarkan cerita.

masam seperti cuka

manis umpama madu

bijak laksana pendeta



Seni Bahasa

Jagalah Kebersihan

Saiful baru sahaja pulang daripada latihan bola sepak di sekolah. Muka Saiful [] kerana kepenatan. Oleh sebab kepenatan, Saiful terus tertidur. Dia lupa akan pesan ibunya supaya mandi serta menukar cadar dan sarung bantal baharu terlebih dahulu.



“Wahai rakyat sekalian, beta hendak meluaskan jajahan agar **luas bak lautan**. Kita telah berjaya menjajah kawasan selimut Saiful yang **lembut bagai sutera**. Kini, kita akan menjajah pula bahagian sarung bantal Saiful yang **putih seperti kapas**,” titah Raja Hama.

Cadangan Raja Hama yang [] mendapat sokongan rakyatnya. Rakyat kerajaan Hama, walaupun **kecil macam kuman** tetapi sebenarnya **kuat macam Badang**. Rakyat kerajaan Hama mula menyerang secara senyap dengan menggigit kaki Saiful. Saiful berasa **pedih bak sembilu**. Saiful berusaha melarikan diri.

“Saiful, Saiful, Saiful.”

Tiba-tiba, Saiful mendengar namanya dipanggil. Saiful terjaga daripada tidur. Dia bermimpi rupanya. Saiful bingkas bangun dan menyalin cadar serta sarung bantalnya. Ibu tersenyum melihat telatah Saiful. Wajah ibu kelihatan []

